



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 27

31hb Disember 2004

*TAMBAHAN No. 135
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 427.

AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Juruukur Bahan 1967 [*Akta 487*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (Pindaan) 2004**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2004.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 [*P.U.(A) 366/73*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar sementara” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Juruukur Bahan siswazah berdaftar”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memotong takrif “firma”;

- (b) dengan memasukkan sebelum takrif “Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama” takrif yang berikut:

‘ “Borang” ertinya mana-mana Borang yang dinyatakan dalam Bahagian Satu Jadual Pertama;’;

- (c) dengan menggantikan takrif “Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama” dengan takrif yang berikut:

‘ “Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama” ertinya panel yang dilantik oleh Lembaga di bawah kaedah 23D;’;

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “Pendaftar” takrif-takrif yang berikut:

‘ “poin kredit” ertinya bilangan poin kredit yang dikumpulkan oleh seseorang Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara melalui penyertaan dalam program-program CPD;

“program-program CPD” ertinya program-program Kemajuan Profesional Berterusan atau aktiviti lain yang berhubungan dengan profesion ukur bahan untuk Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;’; dan

- (e) dengan menggantikan takrif ‘ “Setiausaha” atau “Setiausaha-setiausaha” ’ dengan takrif yang berikut:

‘ “Setiausaha” ertinya orang atau firma setiausaha profesional yang dilantik oleh Lembaga di bawah kaedah 10;’.

Pindaan kaedah 9

4. Perenggan 9(2) Kaedah-Kaedah ibu dipotong.

Pindaan kaedah 10

5. Kaedah 10 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Secretaries” dengan perkataan “Secretary”;

- (b) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “atau firma akauntan-akauntan profesional untuk bertindak sebagai Setiausaha atau Setiausaha-setiausaha” dengan perkataan “untuk bertindak sebagai seorang Setiausaha”;

- (c) dalam perenggan (2), dengan memotong perkataan “atau Setiausaha-setiausaha”;

- (d) dalam perenggan (3)—

- (i) dengan memotong perkataan “atau Setiausaha-setiausaha”; dan

(ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “31 haribulan Mac” dengan perkataan “30 Jun”; dan

(e) dengan memotong perenggan (4).

Pindaan kaedah 11

6. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam proviso—

(a) dengan memotong perkataan “atau Setiausaha-setiausaha”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “satu ratus ringgit” dengan perkataan “lima ratus ringgit atau apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Lembaga”.

Penggantian kaedah 12

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 12 dengan kaedah yang berikut:

“Cek. 12. Semua cek atas akaun bank Lembaga hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga.”.

Kaedah baru 12A

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 12 kaedah yang berikut:

“Pembayaran kepada Lembaga. 12A. Semua pembayaran kepada Lembaga hendaklah dalam bentuk kiriman wang, draf bank atau cek yang kena dibayar kepada Lembaga.”.

Pindaan kaedah 13

9. Perenggan 13(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau Setiausaha-setiausaha”.

Penggantian kaedah 14

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 14 dengan kaedah yang berikut:

“Perbelanjaan Lembaga. 14. Lembaga boleh menentukan saraan atau elaun yang munasabah untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Pendaftar, Setiausaha atau ahli-ahli Lembaga, atau ahli-ahli mana-mana jawatankuasa, majlis atau panel yang dilantik oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 15

11. Kaedah 15 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang berkelayakan dalam profesyen itu” dengan perkataan “profesional”.

Pindaan kaedah 16

12. Kaedah 16 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “31 haribulan Disember” dengan perkataan “31 Disember”.

Kaedah baru 16A

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 16 tetapi sebelum Bahagian III kaedah yang berikut:

“Pemegang amanah. 16A. Menurut seksyen 4(*ea*) Akta, Lembaga boleh bertindak sebagai suatu pemegang amanah harta berkenaan dengan sesuatu kontrak bagi perkhidmatan ukur bahan perunding yang tertakluk kepada garis panduan yang ditentukan oleh Lembaga, yang dalam garis panduan sedemikian bolehlah termasuk pembayaran suatu bayaran kepada Lembaga apabila Lembaga bertindak sebagai pemegang amanah harta.”.

Penggantian kaedah 17

14. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 17 dengan kaedah yang berikut:

“Borang permohonan. 17. Tiap-tiap—

- (a) warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang ingin didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar atau berdaftar masing-masing di bawah seksyen 10(1) atau 10(2) Akta; atau
- (b) juruukur bahan asing yang ingin didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan berdaftar sementara di bawah seksyen 10A Akta,

hendaklah membuat suatu permohonan kepada Lembaga dalam Borang A atau B atau B1, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Penggantian kaedah 18

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 18 dengan kaedah yang berikut:

“Keputusan Lembaga. 18. Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah diputuskan oleh Lembaga dalam tempoh empat bulan dari tarikh penerimaan permohonan itu oleh Lembaga, dengan syarat bahawa permohonan sedemikian mematuhi sepenuhnya kehendak Lembaga.”.

Pindaan kaedah 19

16. Kaedah 19 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “empat puluh lima hari” dengan perkataan “satu bulan”; dan
- (b) dengan memotong perenggan (2).

Penggantian kaedah 20

17. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 20 dengan kaedah yang berikut:

- “Bayaran untuk pendaftaran.
20. Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara di bawah kaedah 17 hendaklah disertakan dengan—
- (a) bayaran pemprosesan yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang tidak boleh dibayar balik; dan
 - (b) bayaran pendaftaran yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang tidak berjaya dalam permohonannya.”.

Penggantian kaedah 21

18. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 21 dengan kaedah yang berikut:

- “Perakuan pendaftaran.
21. Apabila suatu permohonan untuk pendaftaran diluluskan oleh Lembaga, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam Borang C atau D atau D1, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan perakuan pendaftaran itu hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Lembaga mengikut subperenggan (3) perenggan 3 Jadual kepada Akta.”.

Penggantian kaedah 22

19. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 22 dengan kaedah yang berikut:

- “Permohonan untuk pembaharuan.
22. (1) Tiap-tiap Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara yang ingin memperbaharui pendaftarannya di bawah seksyen 13(2) Akta hendaklah, pada atau sebelum 31 Januari bagi tahun yang berikutan tahun pendaftarannya tamat tempoh, mengemukakan suatu permohonan untuk pembaharuan, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan—
- (a) bayaran pembaharuan yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama; dan
 - (b) suatu rekod mengenai poin kredit yang telah dikumpulkan dalam tahun sebaik sebelum tahun pembaharuan pendaftaran itu.

(2) Tertakluk kepada kaedah 22A, permohonan untuk pembaharuan boleh ditolak oleh Lembaga jika pemohon tidak mengumpulkan poin kredit yang dikehendaki yang ditentukan oleh Lembaga dalam tahun sebaik sebelum tahun pembaharuan pendaftaran itu.”.

Kaedah baru 22A

20. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 22 kaedah yang berikut:

“Pengumpulan poin kredit. 22A. Melainkan jika dikecualikan oleh Lembaga, tiap-tiap Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara yang ingin memperbaharui pendaftarannya dengan Lembaga hendaklah mengumpulkan poin kredit yang dikehendaki yang ditentukan oleh Lembaga, melalui penyertaan dalam program-program CPD dalam tahun sebaik sebelum tahun pembaharuan pendaftaran itu.”.

Penggantian kaedah 23

21. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 23 dengan kaedah yang berikut:

“Bayaran pembaharuan. 23. Bayaran untuk pembaharuan pendaftaran bagi seorang Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.”.

Penggantian kaedah 23A

22. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 23A dengan kaedah yang berikut:

“Pembaharuan pendaftaran. 23A. Apabila pendaftaran diperbaharui, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada pemohon suatu perakuan pendaftaran dalam Borang C atau D atau D1, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan kaedah 23B

23. Kaedah 23B Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Bayaran pemasukan semula pendaftaran di bawah seksyen 17(2)” dengan perkataan “Bayaran pemasukan semula untuk seorang Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara di bawah seksyen 17(2)”;
- (b) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “bayaran pembaharuan” dengan perkataan “tunggakan bayaran pembaharuan tahunan”;
- (c) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pendaftaran” dengan perkataan “pendaftaran semula”; dan

- (d) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan perkataan “sebanyak tiga puluh ringgit” dengan perkataan “sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama”.

Pindaan kaedah 23c

24. Kaedah 23c Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “berdaftar sementara atau Juruukur Bahan berdaftar” dengan perkataan “berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “G atau H, mengikut mana yang berkenaan, dalam Jadual Pertama, dan suatu perakuan pendaftaran baru dalam Borang C atau D, mengikut mana yang berkenaan, dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “E atau F atau F1, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Kaedah baru 23d

25. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 23C kaedah yang berikut:

“Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama. 23D. (1) Lembaga boleh melantik suatu Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama yang terdiri daripada ahli sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga untuk menjalankan peperiksaan bagi kemasukan ke dalam profesion ukur bahan.

(2) Fungsi Panel Ujian Kecekapan Profesional Bersama hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 24

26. Kaedah 24 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
- (i) dalam subperenggan (a)—
- (A) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan” dengan perkataan “juruukur bahan”;
- (B) dengan memasukkan selepas perkataan “dua tahun” perkataan “selepas pendaftaran dengan Lembaga sebagai seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar”;
- (C) dengan menggantikan perkataan “atau badan” dengan perkataan “, firma atau pertubuhan perbadanan”; dan
- (D) dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu;

- (ii) dalam subperenggan (b)—
- (A) dengan menggantikan perkataan “atau badan” dengan perkataan “, firma atau pertubuhan perbadanan”;
 - (B) dengan menggantikan perkataan “sebagai seorang Juruukur Bahan” dengan perkataan “sebagai seorang juruukur bahan”;
 - (C) dengan menggantikan perkataan “tugas-tugas” dengan perkataan “perkhidmatan”;
 - (D) dengan memasukkan selepas perkataan “dua tahun” perkataan “selepas pendaftaran dengan Lembaga sebagai seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar”;
 - (E) dengan menggantikan perkataan “sekurang-kurangnya seorang rakankongsi atau pekerjaanya” dengan perkataan “, sama ada sebagai seorang pekongsi, pengarah, prinsipal atau penyelia”; dan
 - (F) dengan memasukkan selepas koma bertitik di hujung subperenggan itu perkataan “atau”; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

“(c) dalam hal seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar yang bekerja dengan sesuatu organisasi yang tidak dinyatakan dalam subperenggan (a) atau (b), Juruukur Bahan siswazah berdaftar itu hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Lembaga untuk mendapatkan seorang penyelia luar, yang hendaklah merupakan seorang Juruukur Bahan berdaftar, untuk menyelia pengalaman praktiknya berkenaan dengan pelaksanaan perkhidmatan ukur bahan sehingga memuaskan hati penyelia luar itu selama tempoh minimum tiga tahun selepas pendaftaran dengan Lembaga sebagai seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar.”;

(b) dengan memotong perenggan (2);

(c) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Bagi membolehkan seseorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar layak untuk memohon bagi pendaftaran sebagai Juruukur Bahan berdaftar, dia hendaklah lulus Ujian Kecekapan Profesional atau ujian atau penilaian profesional yang lain sebagaimana yang dijalankan atau dibenarkan oleh Lembaga.”;

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3A) Ujian Kecekapan Profesional hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”; dan

(e) dalam perenggan (4)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “submit” perkataan “together”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “bukti bertulis” dengan perkataan “bukti dokumentar”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “dan (3)” dengan perkataan “, (3) dan (3A)”.

Kaedah baru 24A

27. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 24 kaedah yang berikut:

“Majlis Akreditasi Ukur Bahan. 24A. (1) Lembaga boleh melantik suatu Majlis Akreditasi Ukur Bahan bagi tujuan mengakreditasikan kelayakan bagi profesion ukur bahan.

(2) Majlis Akreditasi Ukur Bahan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang Juruukur Bahan berdaftar dan seorang ahli Lembaga;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang Juruukur Bahan berdaftar;
- (c) dua ahli Lembaga yang hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar;
- (d) dua orang wakil daripada Pertubuhan Juruukur, Malaysia yang hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar;
- (e) dua orang wakil daripada universiti awam atau institusi pengajian tinggi yang hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar dan anggota fakulti;
- (f) seorang wakil daripada Lembaga Akreditasi Negara;
- (g) seorang wakil daripada Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (h) seorang wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (i) mana-mana orang lain yang difikirkan layak dan sesuai oleh Lembaga untuk menjadi ahli-ahli Majlis Akreditasi Ukur Bahan.

(3) Lembaga boleh melantik ahli Majlis Akreditasi Ukur Bahan bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Fungsi Majlis Akreditasi Ukur Bahan hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 25

28. Kaedah 25 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “registration” dengan perkataan “registered”;
- (b) dengan memasukkan sebelum perkataan “dan suatu firma” perkataan “Juruukur Bahan berdaftar sementara”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “oleh Lembaga untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding oleh Lembaga”.

Pindaan kaedah 26

29. Kaedah 26 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1A) Seseorang Juruukur Bahan berdaftar hendaklah pada setiap masa melaksanakan standard jagaan yang munasabah, kemahiran dan usaha yang lazimnya dijangkakan dan diterima oleh profesion ukur bahan.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(3) Seseorang Juruukur Bahan berdaftar tidak boleh berkelakuan sedemikian cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang telah atau akan memburukkan nama Lembaga atau melalui kelakuan atau perbuatannya mempersoalkan atau mencemarkan integriti atau reputasi Lembaga.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan kaedah ini, seorang Juruukur Bahan berdaftar hendaklah dalam menjalankan tugasnya mematuhi dan berpandukan peruntukan dalam Tata Kelakuan Profesional yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah ini atau garis panduan yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Penggantian kaedah 28

30. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 28 dengan kaedah yang berikut:

“Syarat-syarat pengambilan kerja dan skala caj.

28. (1) Sebelum menerima sesuatu pelantikan, seorang Juruukur Bahan berdaftar hendaklah memberitahu kliennya secara bertulis mengenai terma dan syarat yang lazim terkandung dalam Memorandum Perjanjian Antara Klien Dan Juruukur Bahan Perunding Untuk Perkhidmatan Ukur Bahan Profesional (selepas ini dirujuk sebagai “Memorandum Perjanjian”) yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Dalam tempoh tiga puluh hari daripada penerimaan pengesahan bertulis mengenai pelantikan Juruukur Bahan berdaftar sebagai Juruukur Bahan perunding, Juruukur Bahan berdaftar itu hendaklah memberitahu Lembaga mengenai pelantikan sedemikian dengan mengemukakan kepada Lembaga satu salinan surat pelantikan atau Memorandum Perjanjian yang telah ditandatangani dengan sewajarnya antara Juruukur Bahan berdaftar itu dengan kliennya.”.

Pindaan kaedah 30

31. Kaedah 30 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam subperenggan (c) dengan menggantikan perkataan “atau bentuk yang tidak ditentukan oleh Lembaga melainkan jika kebenaran bertulis terdahulu daripada Lembaga telah didapati” dengan perkataan “, melainkan jika pengiklanan itu mengikut garis panduan yang ditentukan oleh Lembaga”.

Pindaan kaedah 34

32. Kaedah 34 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “dalam amalan persendirian” dengan perkataan “yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “dalam amalan persendirian tidak boleh” dengan perkataan “yang menjalankan amalan sebagai seorang Juruukur Bahan perunding tidak boleh”;
- (c) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dalam amalan persendirian” dengan perkataan “yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding yang telah dilantik oleh seorang majikan atau klien dan yang pelantikannya belum ditamatkan atau dilepaskan”;
- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan (a) subperenggan yang berikut:
 - “(aa) mendapatkan suatu pelantikan dengan mengenakan bayaran yang lebih rendah daripada yang biasa dikenakan atau mengurangkan bayaran atau melalui apa-apa cara yang lain;”;
- (e) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dalam amalan persendirian yang lain” dengan perkataan “yang lain yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding”; dan
- (f) dalam subperenggan (c)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “dalam amalan persendirian yang lain” dengan perkataan “yang lain yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “, mengikut mana-mana yang berkenaan,” perkataan “dalam projek yang sama”; dan

- (iii) dalam subsubperenggan (ii), dengan memasukkan selepas perkataan “ditamatkan” perkataan “atau dilepaskan”.

Pindaan kaedah 35

33. Kaedah 35 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur berdaftar dalam amalan persendirian” dengan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding”.

Kaedah baru 35A, 35B, 35C, 35D, 35E, 35F dan 35G

34. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 35 kaedah-kaedah yang berikut:

“Aduan terhadap Juruukur Bahan berdaftar.

35A. (1) Mana-mana orang boleh membuat suatu aduan terhadap seorang Juruukur Bahan berdaftar, yang aduan sedemikian hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengadu.

(2) Aduan hendaklah mengandungi butiran yang berikut:

- (a) nama penuh, nombor kad pengenalan atau pasport dan alamat pengadu;
- (b) fakta mengenai aduan;
- (c) salinan apa-apa dokumen sokongan yang berhubungan dengan aduan itu;
- (d) tandatangan pengadu; dan
- (e) nama dan alamat peguam pengadu, jika ada.

Membuat aduan.

35B. (1) Sesuatu aduan hendaklah dibuat kepada Pendaftar.

(2) Apabila menerima aduan itu, Pendaftar hendaklah—

- (a) mengecap tarikh penerimaan aduan itu atas dokumen yang merupakan aduan itu;
- (b) memuaskan hatinya bahawa kehendak-kehendak kaedah 35A berkenaan dengan aduan itu telah dipatuhi; dan
- (c) jika berpuas hati sedemikian, mendaftarkan aduan itu dalam suatu daftar yang disenggarakan oleh Pendaftar.

(3) Jika suatu aduan tidak dibuat mengikut kehendak-kehendak kaedah 35A, Pendaftar hendaklah menolak aduan itu dan hendaklah mencatatkan hakikat tentang penolakan itu dalam daftar yang disenggarakan olehnya.

(4) Apabila suatu aduan telah ditolak dan jika ada nama dan alamat pengadu, Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada pengadu secara bertulis mengenai penolakan aduan itu.

(5) Jika aduan telah dicatatkan dalam daftar yang disenggarakan oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah memajukan aduan itu kepada Lembaga untuk tindakannya.

Penarikan balik aduan.

35C. (1) Seseorang pengadu boleh pada bila-bila masa menarik balik aduannya melalui suatu surat yang dialamatkan kepada Pendaftar.

(2) Apabila menerima surat penarikan balik aduan di bawah perenggan (1), Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis mengenai penarikan balik aduan itu dan hendaklah melampirkan surat itu untuk perhatian Lembaga.

(3) Pendaftar hendaklah mencatatkan hakikat tentang penarikan balik aduan itu oleh pengadu dalam daftar yang disenggarakan olehnya.

Penyiasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

35D. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Penyiasatan bagi maksud seksyen 7A(6) atau 15(2) Akta untuk menyiasat apa-apa aduan yang dibuat terhadap mana-mana Juruukur Bahan berdaftar yang telah dimajukan kepada Lembaga di bawah kaedah 35B(5).

(2) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah bersidang di premis Lembaga atau di mana-mana tempat yang lain, dan pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan.

(3) Jika suatu penyiasatan berkenaan dengan apa-apa perkara akan diadakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menghantarkan suatu notis berkenaan dengan penyiasatan itu kepada pengadu dan Juruukur Bahan berdaftar melalui pos berdaftar atau pos bayar dahulu ke alamatnya yang akhir diketahui.

(4) Notis di bawah perenggan (3) hendaklah menyatakan tarikh, masa dan tempat penyiasatan aduan itu oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

(5) Jawatankuasa Penyiasatan boleh menangguhkan penyiasatan itu dari semasa ke semasa, dan tiada notis bertulis mengenai penangguhan itu dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana pihak jika penangguhan itu dibuat semasa kehadiran pihak itu.

(6) Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa Penyiasatan boleh mengawal selia tatacara penyiasatannya sendiri mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, dan Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menyediakan suatu rekod mengenai prosiding yang dijalankan di hadapannya.

(7) Semasa penyiasatan di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan, Juruukur Bahan berdaftar hendaklah diberi peluang untuk didengar, yang—

- (a) dalam hal Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara, secara sendiri;
- (b) dalam hal ketuanpunyaan tunggal, oleh tuan punya tunggal itu; atau

- (c) dalam hal perkongsian atau pertubuhan perbadanan, oleh seorang pekongsi, pengarah atau wakil yang dilantik secara bertulis.

Laporan dan syor oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

35E. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan untuk penyiasatan aduan—

- (a) kedua-dua pengadu dan Juruukur Bahan berdaftar tidak hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis berkenaan dengan penyiasatan itu telah disampaikan dengan sewajarnya kepada pengadu dan Juruukur Bahan berdaftar di bawah kaedah 35D(3), mengesyorkan kepada Lembaga supaya aduan itu dibuang;
- (b) pengadu tidak hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis berkenaan dengan penyiasatan itu telah disampaikan dengan sewajarnya kepada pengadu di bawah kaedah 35D(3)—
- (i) mengesyorkan kepada Lembaga bahawa aduan itu dibuang; atau
- (ii) terus menyiasat aduan itu tanpa kehadiran pengadu dan tanpa notis selanjutnya kepadanya, dan membuat syornya kepada Lembaga; atau
- (c) Juruukur Bahan berdaftar tidak hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis berkenaan dengan penyiasatan itu telah disampaikan dengan sewajarnya kepada Juruukur Bahan berdaftar itu di bawah kaedah 35D(3), terus menyiasat aduan itu tanpa kehadiran Juruukur Bahan berdaftar itu dan tanpa notis selanjutnya kepadanya, dan membuat syornya kepada Lembaga.

(2) Laporan Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menyatakan fakta dan syor Jawatankuasa Penyiasatan dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan.

(3) Laporan Jawatankuasa Penyiasatan bersama dengan rekod prosiding penyiasatan hendaklah dihantar kepada Lembaga.

(4) Jika Jawatankuasa Penyiasatan tidak sebulat suara mengenai apa-apa soal atau perkara yang hendak diputuskan di hadapannya, keputusan majoriti ahli Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah disifatkan sebagai keputusan Jawatankuasa Penyiasatan.

(5) Jika mengenai apa-apa soal atau perkara yang hendak diputuskan oleh Jawatankuasa Penyiasatan terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mempunyai undi pemutus.

Pendengaran di
hadapan
Lembaga.

35F. (1) Tertakluk kepada seksyen 7A(6) atau 15(2) Akta, Lembaga apabila menerima laporan daripada Jawatankuasa Penyiasatan dan syornya, hendaklah, jika ia berpuas hati bahawa ada alasan bagi aduan terhadap Juruukur Bahan berdaftar, menjalankan suatu pendengaran mengenai aduan itu.

(2) Lembaga hendaklah bersidang di premis Lembaga atau di mana-mana tempat yang lain, dan pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh Yang Dipertua Lembaga.

(3) Jika suatu pendengaran akan diadakan oleh Lembaga, Pendaftar hendaklah menghantarkan suatu notis berkenaan dengan aduan itu kepada pengadu dan Juruukur Bahan berdaftar, dan peguam masing-masing jika ada, melalui pos berdaftar atau pos bayar dahulu ke alamatnya yang akhir diketahui.

(4) Notis di bawah perenggan (3) hendaklah menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran aduan itu oleh Lembaga.

(5) Lembaga boleh menangguhkan pendengaran aduan itu dari semasa ke semasa, dan tiada notis bertulis mengenai penangguhan itu dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana pihak jika penangguhan itu dibuat semasa kehadiran pihak itu.

(6) Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri bagi pendengaran aduan itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, dan Lembaga hendaklah menyediakan suatu rekod mengenai prosiding yang dijalankan di hadapannya.

(7) Semasa pendengaran di hadapan Lembaga, Juruukur Bahan berdaftar hendaklah diberi peluang untuk didengar, yang—

- (a) dalam hal Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara, secara sendiri atau melalui peguamnya;
- (b) dalam hal ketuanpunyaan tunggal, oleh tuan punya tunggal atau melalui peguamnya; atau
- (c) dalam hal perkongsian atau pertubuhan perbadanan, oleh seorang pekongsi, pengarah, wakil yang dilantik secara bertulis atau melalui peguamnya.

(8) Jika Lembaga tidak sebulat suara mengenai apa-apa soal atau perkara yang hendak diputuskan di hadapannya, keputusan majoriti ahli Lembaga hendaklah disifatkan sebagai keputusan Lembaga.

(9) Jika mengenai apa-apa soal atau perkara yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat undi yang sama banyak, Yang Dipertua Lembaga hendaklah mempunyai undi pemutus.

Perintah
Lembaga.

35G. (1) Jika pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran aduan, Juruukur Bahan berdaftar dan/atau pengadu tidak menghadiri pendengaran di hadapan Lembaga, Lembaga boleh, apabila berpuas hati bahawa notis berkenaan dengan pendengaran itu telah disampaikan dengan sewajarnya kepada Juruukur Bahan berdaftar dan/atau pengadu itu di bawah kaedah 35F(3), terus menyiasat aduan itu tanpa kehadiran Juruukur Bahan berdaftar dan/atau pengadu itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tanpa notis selanjutnya kepadanya, dan membuat keputusan dan perintahnya.

(2) Pendaftar hendaklah memaklumkan pengadu dan Juruukur Bahan berdaftar tentang perintah Lembaga berkenaan dengan aduan itu.”.

Pindaan kaedah 36

35. Kaedah 36 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“ (1) Sesuatu firma atau pertubuhan perbadanan yang ingin menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding hendaklah membuat suatu permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan amalan di bawah seksyen 7A Akta kepada Lembaga dalam Borang G.”;

(b) dengan memotong perenggan (2);

(c) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Jika sesuatu firma ingin menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding di bawah kaedah 36(1), tuan punya tunggal atau semua pekongsi, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar dan—

(a) tuan punya tunggal itu; atau

(b) majoriti pekongsi, mengikut bilangan pekongsi dan ekuiti,

hendaklah mempunyai pengalaman minimum selama tempoh 5 tahun sehingga memuaskan hati Lembaga selepas pendaftaran sebagai Juruukur Bahan berdaftar di bawah seksyen 10(2) Akta.”; dan

(d) dengan menggantikan perenggan (4) dengan perenggan yang berikut:

“(4) Jika suatu pertubuhan perbadanan ingin menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding di bawah kaedah 36(1), pengarah hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar dan majoriti pengarahnya, mengikut bilangan pengarah dan ekuiti, hendaklah mempunyai pengalaman minimum selama tempoh 5 tahun sehingga memuaskan hati Lembaga selepas pendaftaran sebagai Juruukur Bahan berdaftar di bawah seksyen 10(2) Akta.”.

Kaedah baru 36A

36. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 36 kaedah yang berikut:

“Permohonan oleh pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding.

36A. (1) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding yang ingin menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, hendaklah membuat suatu permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan amalan di bawah seksyen 7B Akta kepada Lembaga dalam Borang G1.

(2) Pertubuhan perbadanan yang memohon untuk kelulusan bagi menjalankan amalan di bawah perenggan (1) hendaklah mematuhi yang berikut, iaitu:

- (a) semua kehendak yang dinyatakan dalam seksyen 7B Akta; dan
- (b) pengarah pertubuhan perbadanan yang bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan ukur bahan perunding hendaklah merupakan Juruukur Bahan berdaftar, dan majoriti pengarahnya hendaklah mempunyai pengalaman minimum selama tempoh 5 tahun sehingga memuaskan hati Lembaga selepas pendaftaran sebagai Juruukur Bahan berdaftar di bawah seksyen 10(2) Akta.”.

Pindaan kaedah 37

37. Kaedah 37 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “36” perkataan “atau 36A”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” dengan perkataan “Lembaga”; dan
- (c) dalam subperenggan (a)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “seksyen 7A(3) Akta” dengan perkataan “masing-masing seksyen 7A(3) atau 7B Akta”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “Bagi maksud seksyen 7A(3)(b)(ii) Akta, kepentingan mengawal Juruukur Bahan berdaftar dalam pertubuhan perbadanan tidak boleh kurang daripada 55 peratus.”.

Pindaan kaedah 38

38. Kaedah 38 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” dengan perkataan “Lembaga”;

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “36” perkataan “atau 36A”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “seksyen 7A(3)” dengan perkataan “masing-masing seksyen 7A(3) atau 7B”.

Pindaan kaedah 39

39. Kaedah 39 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perenggan (1);
- (b) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Jika Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi kaedah 37, Lembaga hendaklah membuat keputusan mengenai suatu permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan amalan dalam tempoh sembilan puluh hari selepas penerimaan permohonan itu oleh Lembaga.”; dan
- (c) dengan memotong perenggan (3) dan (4).

Pindaan kaedah 40

40. Kaedah 40 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “empat puluh lima” dengan perkataan “tiga puluh”; dan
- (b) dengan memotong perenggan (2).

Pindaan kaedah 41

41. Kaedah 41 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “diserahkan” dengan perkataan “dibuat”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “setelah permohonan untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding telah diluluskan dengan sewajarnya” dengan perkataan “bersama dengan permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan amalan sebagai seorang Juruukur Bahan perunding”; dan
- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “sama dengan draf yang telah dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan menurut kaedah 37 kecuali pengubahsuaian itu yang dikehendaki oleh Lembaga disebabkan apa-apa terma, syarat dan sekatan yang dikenakan” dengan perkataan “memasukkan apa-apa terma, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga”.

Penggantian kaedah 42

42. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 42 dengan kaedah yang berikut:

- “Bayaran. 42. (1) Tiap-tiap permohonan oleh suatu firma atau pertubuhan perbadanan di bawah kaedah 36 atau 36A hendaklah disertakan dengan—
- (a) bayaran pemprosesan yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang tidak boleh dibayar balik; dan
 - (b) bayaran pendaftaran yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang tidak berjaya dalam permohonannya.”.

Pindaan kaedah 43

43. Kaedah 43 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Permit” perkataan “untuk menjalankan amalan”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “permohonannya untuk” perkataan “kelulusan bagi”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “Borang J dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “Borang H”;
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(IA) Permit untuk menjalankan amalan yang akan dikeluarkan kepada sesuatu pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding yang permohonannya untuk kelulusan bagi menjalankan amalan telah diluluskan oleh Lembaga di bawah seksyen 7B Akta hendaklah dalam Borang H1.”;

dan
- (c) dalam perenggan (2)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “permit” perkataan “untuk menjalankan amalan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “sub-perenggan” dengan perkataan “subperenggan”.

Penggantian kaedah 44

44. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 44 dengan kaedah yang berikut:

- “Permohonan bagi pembaharuan. 44. Sesuatu permohonan oleh—
- (a) sesuatu firma atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding; atau
 - (b) sesuatu pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding yang diluluskan untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding oleh Lembaga,
- untuk pembaharuan bagi kelulusan untuk menjalankan amalan hendaklah dibuat kepada Lembaga.”.

Pindaan kaedah 45

45. Kaedah 45 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai dan di mana-mana jua terdapat, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Fee” dengan perkataan “Bayaran”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “tiga ratus ringgit” dengan perkataan “sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama”.

Kaedah baru 45A

46. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 45 kaedah yang berikut:

- “Bayaran pemasukan semula. 45A. Bayaran untuk pemasukan semula bagi sesuatu firma atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding di bawah seksyen 17 Akta hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.”.

Penggantian kaedah 46

47. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 46 dengan kaedah yang berikut:

- “Pembaharuan permit untuk menjalankan amalan dan perakuan pemasukan semula bagi permit untuk menjalankan amalan. 46. (1) Apabila diperbaharui kelulusan bagi suatu firma atau pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada firma atau pertubuhan perbadanan itu suatu permit untuk menjalankan amalan dalam Borang H.

(2) Apabila diperbaharui kelulusan bagi suatu pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada pertubuhan perbadanan itu suatu permit untuk menjalankan amalan dalam Borang H1.

(3) Apabila suatu firma atau pertubuhan perbadanan dimasukkan semula untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada firma atau pertubuhan perbadanan itu suatu permit pemasangan semula untuk menjalankan amalan dalam Borang I.

(4) Apabila dimasukkan semula suatu pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan ukur bahan, perkhidmatan kejuruteraan profesional dan/atau perkhidmatan seni bina perunding untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada pertubuhan perbadanan itu suatu permit pemasangan semula untuk menjalankan amalan dalam Borang I(1).”.

Pindaan kaedah 47

48. Kaedah 47 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “kelulusannya” dengan perkataan “permitnya”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “ditarik balik” dengan perkataan “dibatalkan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “7A(5)” dengan perkataan “7A(5)(dd)”;
- dan
- (d) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “fee” dengan perkataan “bayaran”.

Pindaan kaedah 48

49. Perenggan 48(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “fee sebanyak satu ratus lima puluh” dengan perkataan “bayaran sebanyak tiga ratus”.

Pindaan kaedah 49

50. Kaedah 49 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Mana-mana orang yang bukan seorang Juruukur Bahan berdaftar, atau mana-mana firma atau pertubuhan perbadanan yang tidak menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding, yang

ingin melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang orang, firma atau pertubuhan perbadanan itu akan, jika tidak kerana kebenaran di bawah seksyen 26A Akta, dilarang atau tidak berhak untuk melakukannya, hendaklah membuat suatu permohonan untuk kebenaran kepada Lembaga dalam Borang J atau J1, mengikut mana-mana yang berkenaan.”;

- (b) dengan memotong perenggan (2); dan
- (c) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “yang dikemukakan oleh Pendaftar di bawah perenggan (2)” dengan perkataan “, dengan syarat bahawa permohonan sedemikian mematuhi sepenuhnya kehendak-kehendak Lembaga.”.

Pindaan kaedah 50

51. Perenggan 50(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “sepuluh”;
- (b) dalam subperenggan (c), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:
 - “(ca) bahawa jika permohon ialah suatu firma atau pertubuhan perbadanan, permohonannya hendaklah disokong dengan sepenuhnya oleh klien yang memerlukan perkhidmatannya; dan”.

Pindaan kaedah 51

52. Perenggan 51(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat puluh lima” dengan perkataan “tiga puluh”.

Pindaan kaedah 52

53. Kaedah 52 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam bentuk Surat Kebenaran yang dinyatakan dalam Borang M dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “suatu Surat Kebenaran yang hendaklah dalam Borang K,”;
- (b) dengan memotong perenggan (3);
- (c) dalam perenggan (4)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Orang” perkataan “, firma atau pertubuhan perbadanan”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “berdaftar” perkataan “, atau ia adalah suatu firma atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding,”; dan

- (d) dalam perenggan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “Orang” perkataan “, firma atau pertubuhan perbadanan”.

Pindaan kaedah 53

54. Kaedah 53 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap permohonan untuk sesuatu kebenaran di bawah kaedah 49 hendaklah disertakan dengan—

- (a) bayaran pemprosesan yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang tidak boleh dibayar balik; dan
- (b) bayaran pendaftaran yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang tidak berjaya dalam permohonannya.”; dan

- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “bayaran yang ditetapkan sebanyak satu ribu ringgit” dengan perkataan “bayaran yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama”.

Penggantian Jadual Pertama

55. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

BAHAGIAN SATU

BORANG A

AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973

(Kaedah 17)

BORANG PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI
JURUUKUR BAHAN SISWAZAH BERDAFTAR
(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam HURUF BESAR)

Nama Penuh:..... Jantina :*Lelaki/Perempuan

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Kewarganegaraan : Bangsa : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah :

.....

Nama Majikan :

Alamat Pejabat :

.....

No. Tel. : (Rumah)(Pejabat) (Telefon Bimbit) :

E-mel : No.Faks :

Alamat surat-menyurat (jika lain daripada yang di atas) :

.....

.....

Kelayakan Akademik dan tarikh diperoleh :

Kelayakan Profesional :

Latihan Profesional (jika berkaitan) :

PENALTI

Seksyen 24(a) Akta Juruukur Bahan 1967: “Mana-mana orang, firma atau pertubuhan perbadanan yang memperoleh atau cuba memperoleh pendaftaran atau kelulusan atau suatu perakuan pendaftaran atau suatu permit untuk menjalankan amalan di bawah Akta ini dengan diketahuinya membuat atau mengemukakan atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan apa-apa akuan, sijil, permit, permohonan atau representasi yang palsu atau fraud sama ada secara bertulis atau selainnya, melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan berterusan, didenda seterusnya sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas disabitkan kesalahan.”

AKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEMOHON

Kepada :

Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, memohon untuk didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan siswazah berdaftar dan membuat akuan seperti yang berikut:

